



Pengarah Urusan Bubbles O2 Sdn. Bhd., Ain Azizah Arifin baru berusia awal 20-an ketika memegang jawatan tersebut. Beliau yang dilahirkan di Bandar Baru Bangi, Selangor mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Bangi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah, Kajang. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di University of Victoria, Kanada dalam bidang keusahawanan dari tahun 2017 hingga tahun 2020.

Sejak kecil lagi, wanita muda ini dibesarkan dalam keluarga yang berlatarbelakangkan dunia perniagaan. Ayahnya merupakan seorang usahawan dalam bidang minyak dan gas, manakala emaknya seorang suri rumah. Menurut ayahnya, sejak kecil lagi Ain Azizah menunjukkan minat dalam perniagaan, bermula dengan membuat origami dan menjual kepada rakannya. Meskipun begitu, beliau tidak pasti bidang perniagaan yang ingin diceburinya. Walau bagaimanapun, ayahnya pernah mencadangkan agar beliau mengikut jejak langkahnya dengan menjadi seorang jurutera. Namun begitu, beliau menolak hasrat ayahnya kerana tidak berminat dalam bidang tersebut. Penolakan itu tidak menghilangkan sokongan keluarganya kerana mereka tetap menyokong apa-apa sahaja bidang yang akan diceburinya.

Ain Azizah Arifin

"Keteguhan Fokus dalam Merealisasikan Impian"

Ber cerita mengenai prinsip hidup, Ain Azizah berpegang pada tiga nilai utama, iaitu fokus, empati dan integriti. Beliau menekankan prinsip utamanya, iaitu teguh pada fokus supaya dapat memandu diri untuk mencapai objektif. Baginya, setiap orang perlu berpegang teguh pada fokus untuk merealisasikan impian mereka. Sebagai contoh, apabila seseorang menetapkan tempoh tertentu untuk mencapai sesuatu, mereka perlu berpegang teguh pada fokus untuk mencapainya. Prinsip empati pula menjadikan dirinya sebagai seorang yang lebih memahami orang di sekeliling. Setiap orang mempunyai masalah masing-masing dan tidak semestinya mereka boleh mengikut cara yang ditetapkan. Prinsip ini memperingatkan dirinya supaya berusaha untuk menyelesaikan masalah orang di sekeliling dan menyelesaikan segala isu yang timbul agar tidak menjejaskan operasi syarikat. Selain itu, Ain Azizah berpegang pada integriti sebagai cara bekerja dalam mengemudi operasi syarikat. Beliau percaya bahawa keteguhan integriti dapat mengelakkan konflik kepentingan dalam kalangan pekerja dan pengurusan. Sebagai seorang pemimpin syarikat, beliau juga akan berusaha menjadi contoh teladan kepada semua kakitangan sambil meningkatkan moral dan motivasi mereka.

Mengupas isu cabaran, Ain Azizah menghadapi cabaran terutamanya dalam mengubah cara berfikir daripada seorang pelajar kepada seorang pemimpin syarikat. Hal ini demikian kerana beliau menjadi seorang Pengarah Urusan pada usia yang terlalu muda. Tambahan lagi, kakitangan syarikat mempunyai latar belakang dan umur yang berbeza. Beliau perlu memikirkan kaedah yang terbaik untuk bergaul dengan kakitangan syarikat agar tidak mewujudkan jurang yang lebar antara mereka dengan pihak pengurusan syarikat. Ain Azizah turut berusaha memecahkan dilema kerana memikirkan usianya yang terlalu muda. Beliau pernah terfikir untuk berhenti menjadi pemimpin syarikat, sebaliknya hanya bekerja dengan syarikat lain. Walaupun cita-cita sebenarnya semasa belajar adalah menjadi seorang konsultan di syarikat ternama, beliau akhirnya memilih untuk terus berada dalam dunia keusahawanan kerana beliau percaya bahawa setiap masalah mempunyai penyelesaian, walaupun berada di luar negara.

Berkongsi tentang pengalaman kerja, Ain Azizah pernah menjalani latihan industri di tiga syarikat yang berbeza sebelum menamatkan pengajian. Beliau pernah menjalani latihan industri di syarikat Bubbles O2 di bawah

pimpinan ayahnya. Pengalaman kedua pula di China dengan beliau bertanggungjawab menguruskan urusan pentadbiran. Pengalaman beliau seorang diri di negara tersebut membantu membina keyakinan dirinya. Walau bagaimanapun, beliau menghadapi halangan dari segi komunikasi untuk menonjolkan diri dan mencari peluang terbaik dalam laluan kerjaya di sana. Syarikat Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) pula mengajar beliau dalam membuat perancangan sebelum melaksanakan sesuatu perkara. Di PETRONAS, beliau belajar tentang keperluan untuk memahami aset yang dimiliki dan seterusnya memaksimumkan aset secara efektif untuk mengembangkan operasi dan mendapatkan keuntungan. Selain itu, pengalaman di PETRONAS juga mengajar dirinya untuk bekerja secara berpasukan untuk mencapai matlamat bersama.

Dalam soal saranan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan, Ain Azizah menekankan pentingnya mempunyai minda terbuka. Beliau mengingatkan bahawa seseorang tidak boleh merasakan diri mereka terlalu hebat dan perlu sentiasa menerima nasihat daripada pelbagai pihak. Beliau selalu memperingatkan dirinya dengan pesanan ayahnya, iaitu titik kejatuhan seseorang apabila dia berasa dirinya paling hebat dalam kalangan semua orang. Beliau juga sering menghadiri semua jemputan majlis dan acara yang diterima untuk mengenali orang baharu. Dalam majlis atau program tersebut, kenalan yang ditemui tidak semestinya akan menjadi rakan perniagaan, tetapi berkemungkinan boleh memberikan nasihat. Manfaat yang diperoleh daripada rakan dalam dunia perniagaan akan membantu seseorang untuk lebih memahami isu dalam perniagaan.

Ain Azizah memasang harapan agar syarikat Bubbles O2 dapat terus berkembang sebagai organisasi yang boleh menarik pekerja kerana mereka merasakan kegembiraan dan kepuasan bekerja di sana. Beliau percaya bahawa kejayaan sesebuah syarikat bukan hanya bergantung pada pengurusan yang bijaksana, tetapi juga kepada usaha keras dan komitmen daripada kakitangan dalam menjayakan perancangan syarikat. Beliau juga berhasrat agar syarikat terus maju walaupun dirinya tidak lagi memimpin syarikat. Oleh itu, Ain Azizah berhasrat untuk membina legasi syarikat yang mempunyai sistem kerja yang efektif dan kepelbagaian produk untuk tempoh jangka panjang bagi mencapai lebih banyak kejayaan. **END**